

**MOHD FAIDZ** Mohd Zain

**SAMSU ADABI** Mamat

**JAMAIE** Hj. Hamil

**JUNAIDI** Awang Besar

Universiti Kebangsaan Malaysia

## **POLITIK PILIHAN RAYA: PENOLAKAN TERHADAP UMNO DI KELANTAN DALAM PILIHAN RAYA UMUM 2013**

### **ELECTORAL POLITICS: KELANTAN'S REJECTION OF UMNO IN THE 2013 GENERAL ELECTION**

*Dalam Pilihan Raya Umum 2013 (PRU 13) Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi United Malay National Organisation (UMNO) masih mengekalkan pemerintahan di Malaysia manakala di negeri Kelantan, BN terus ditolak oleh rakyat Kelantan. Rakyat Kelantan terus memberi mandat kepada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) untuk penggal ke-6 dengan PAS berjaya menguasai majoriti 2/3 kerusi DUN apabila PAS menang 32 kerusi, UMNO 12 kerusi manakala Parti Keadilan Rakyat (PKR) satu kerusi. Apa yang uniknya dalam setiap pilihan raya di Kelantan, pertembungan antara dua parti politik Melayu ini (UMNO/BN dan PAS) sering kali memperlihatkan persaingan sengit. UMNO terus ditolak oleh rakyat Kelantan terutama di kawasan bandar dan pekan-pekan kecil di Kelantan. Uniknya di luar Kelantan sokongan besar terhadap UMNO/BN adalah pengundi dari luar bandar tetapi sebaliknya di negeri Kelantan. Faktor utama UMNO terus ditolak oleh rakyat Kelantan adalah kepimpinan dan karismatik Tok Guru Nik Aziz disamping kegagalan Gelombang Merah UMNO di Kelantan. Persaingan dua parti ini lebih tertumpu kepada semangat kepartian kerana majoriti rakyat Kelantan berketurunan Melayu dan beragama Islam. Isu perkauman, kenaikan harga barang, isu bekalan air dan isu tanah tidak mempengaruhi secara keseluruhan keputusan pilihan raya di Kelantan tetapi semangat kepartian menjadi faktor utama PAS terus memerintah di Kelantan. Berdasarkan keputusan PRU 2013, keinginan rakyat Kelantan untuk menukar kerajaan tetap ada tetapi dalam masa yang sama sebahagian besar rakyat masih ingin mengekalkan kepimpinan ulama di Kelantan.*

**Kata kunci:** *Pilihan Raya, Kelantan, Melayu, UMNO, Ulama, PAS.*

*In the 2013 Malaysian General Election (GE 13), the Barisan Nasional (BN) and the United Malay National Organisation (UMNO) coalition failed to win a majority in the state of Kelantan due to their continued*

*rejection by the people of Kelantan. The Kelantanese gave a direct mandate to Parti Islam Se-Malaysia (PAS) for the 6<sup>th</sup> term when PAS captured a two third majority of the seats: PAS won 32 seats, UMNO 12 seats, and Parti Keadilan Rakyat (PKR) 1 seat. What has been unique in every election in Kelantan, is the clash between the two Malay political parties (UMNO/BN and PAS), unusual in Malaysia.. UMNO's primary Kelantanese support base tends to be rural, whilst urban areas and small towns tend to vote against. The main factors contributing to UMNO's continued rejection are the charismatic leadership of PAS' Tok Guru Nik Aziz, and the failure of UMNO's Red Wave/Gelombang Merah movement in Kelantan. The lively two-party competition is focused on partisan spirit in an area where the majority are Malay Muslims.. Thus, rising prices, water and land issues affect the overall outcome of Kelantanese elections less than partisan spirit.. This article argues that, based on the results of the 2013 election,, people's desire to change the state of Kelantan is important, but at the same time most people want to maintain the traditional leadership of their ulama..*

**Keywords:** Election, Kelantan, Malays, UMNO, ulama', PAS

## Pengenalan

Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 diadakan apabila pembubaran Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 3 April 2013.<sup>1</sup> Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menetapkan PRU 13 diadakan pada 5 Mei 2013 dengan hari penamaan calon pada 20 April 2013. Tempoh berkempen adalah selama 15 hari dan agak panjang berbanding dengan pilihan raya-pilihan raya yang lepas. Tempoh yang panjang ini membolehkan pengundian awal dijalankan pada 30 April 2013 (Sinar Harian 2013). PRU ke-13 ini, merupakan pilihan raya yang pertama bagi Mohd Najib Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia. Beliau dilantik sebagai Perdana Menteri selepas tersingkirnya Abdullah Ahmad Badawi dari tumpuk kekuasaan apabila beliau kalah dalam pertandingan mempertahankan jawatan Presiden UMNO 2008. Salah satu sebab kekalahan Abdullah ini adalah berikutan dari kehilangan majoriti 2/3 oleh Barisan Nasional (BN) pada PRU 12 apabila hanya menguasai 140 kerusi Parlimen daripada 222 kerusi yang dipertandingkan. Selain itu, lima buah negeri dikuasai oleh parti oposisi iaitu Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Perak dan Kelantan.

Dalam PRU ke-13, BN berjaya mengekalkan kuasa untuk penggal ke-13 setelah berjaya menguasai 133 kerusi Parlimen berbanding dengan Pakatan Rakyat (PR) yang memenangi 89 kerusi Parlimen. Keputusan PRU ke-13 ini memperlihatkan PR berjaya meningkatkan penguasaan pada

peringkat Parlimen daripada 80 kerusi pada PRU 12 kepada 89 kerusi berikutan penolakan pengundi bandar<sup>2</sup> serta tsunami politik Cina. Daripada 133 kerusi yang dimenangi BN, 88 kerusi dimenangi oleh *United Malay National Organisation* (UMNO), tujuh kerusi dimenangi oleh *Malaysian Chinese Association* (MCA), masing-masing empat kerusi milik *Malaysian Indian Congress* (MIC), *Sarawak Progressive Democratic Party* (SPDP), dan Parti Bersatu Sabah (PBS), 14 kerusi Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PPP), enam kerusi Parti Rakyat Sarawak (PRS), tiga kerusi milik *United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organisation* (UPKO) serta satu kerusi milik Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), *Sarawak United People's Party* (SUPP) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS). Bagi pecahan kerusi yang dimenangi Pakatan Rakyat (PR) pula, 38 kerusi milik *Democratic Action Party* (DAP), 30 kerusi milik Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pula 21 kerusi. Dalam pilihan raya ini juga undi popular PR lebih tinggi daripada BN. PR memperoleh 5,623,984 undi (50.9 peratus), BN pula memperoleh 5,237,699 undi (47.4 peratus) manakala calon-calon lain pula 192,894 undi (1.7 peratus).

Undi popular bagi negeri Kelantan untuk kerusi Parlimen, PR masih didepan dengan 412,949 undi (53.7 peratus), BN pula 330,343 undi (43 peratus) manakala calon Bebas pula, 25,745 undi (3.3 peratus). Bagi undi popular di DUN Kelantan, PR menguasai dengan 425,291 undi (55.3 peratus), BN pula 343,416 undi (44.6 peratus) manakala calon Bebas 888 undi (0.1 peratus) (Utusan Malaysia, 2013). PRU ke-13 memperlihatkan UMNO terus ditolak oleh rakyat Kelantan, apabila PAS berjaya menguasai DUN Kelantan setelah menang 32 kerusi daripada 45 kerusi yang dipertandingkan manakala UMNO menang 12 kerusi dan satu kerusi lagi milik PKR. Bagi kerusi Parlimen pula, PAS berjaya memenangi sebanyak sembilan kerusi, manakala UMNO berjaya menguasai lima kerusi. Keputusan PRU ini jelas menunjukkan bahawa andaian yang dicanangkan sebelum PRU ke-13 iaitu UMNO akan menawan semula Kelantan setelah 23 tahun berada di bawah pemerintahan PAS ternyata meleset. Justeru, artikel ini cuba mengupas beberapa faktor yang menyebabkan PAS masih lagi dapat menarik perhatian pengundi di Kelantan serta melihat juga mengapakah UMNO terus ditolak oleh rakyat Kelantan walaupun UMNO menjanjikan Kelantan lebih baik dan cemerlang jika UMNO menguasai DUN Kelantan pada PRU ke-13.

## Pendekatan Tingkahlaku Pengundi Dalam Pilihan Raya

Terdapat tiga pendekatan dalam membicarakan tentang tingkah laku pengundi dalam pilihan raya (Ghazali 2006). Pertama adalah pendekatan sosiologikal berdasarkan kepada status sosioekonomi (pendidikan, pendapatan, dan kelas), agama, etnik dan tempat. Sebagai contohnya dari segi agama, golongan Protestan lebih cenderung untuk memilih Parti Republikan berbanding

dengan mereka yang berfahaman Katolik (Lazarsfeld et al. 1968). Selain daripada agama, perbezaan kelas juga memainkan peranan dalam menentukan tingkahlaku pengundi. Kelas bawahan dan kelas menengah lebih cenderung untuk menyokong Parti Demokrat, manakala untuk kelas atasan lebih cenderung untuk memilih Parti Republikan (Lipset 1960). Pendekatan kedua pula adalah identifikasi parti merujuk kepada ikatan dan kesetiaan yang berpanjangan terhadap sesebuah parti dan ia mempengaruhi sikap dan tingkahlaku politik di samping sentiasa mengundi parti berkenaan dalam pilihan raya (Campbell et al. 1960). Ini bermakna, pengundi akan mengidentifikasikan diri mereka dan mempengaruhi serta menentukan tingkahlaku pengundi (Ghazali 1999). Sementara itu, pendekatan ketiga pula, pendekatan pilihan rasional yang dipopularkan oleh Downs (1957). Pendekatan ini mengandaikan pengundi bertindak secara rasional semasa membuat keputusan untuk keluar mengundi dan semasa membuat pilihan ketika mengundi. Pendekatan rasional juga membentarkan pengundi membuang undi berdasarkan prestasi dan janji parti atau calon pada masa kini sebagai satu petanda dan mungkin perlukan pada masa depan, di samping membandingkan dan menilai sama ada perlakuan itu mengikut tuntutan semasa. Dalam konteks di Malaysia, pembangunan sering ditawarkan sebagai janji pilihan raya ketika kempen sedang berjalan.

### **Epistemologi Pilihan raya**

Pilihan raya boleh ditakrifkan sebagai pemilihan umum ke atas seseorang untuk sesuatu jawatan dan pemilihan ini dibuat menerusi undi sesebuah perkumpulan atau *constituent body* (Rosmadi 2006). Pilihan raya adalah suatu cara membuat pilihan politik melalui undian. Ia digunakan untuk memilih pemimpin dan untuk menentukan satu isu. Melalui pilihan raya, pengundi boleh memilih calon yang dikemukakan kepada mereka untuk menyelesaikan isu-isu masyarakat. Dalam pada itu, pilihan raya juga dapat diertikan sebagai satu proses di mana mereka yang diperintah itu menentukan, melalui cara-cara pemilihan tertentu, wakil-wakil yang kepadanya diserahkan mandat untuk membuat keputusan, dasar dan undang-undang masyarakat; atau dalam perkataan yang lebih mudah, pilihan raya ialah satu proses di mana ahli masyarakat memilih dan mengesahkan wakil-wakil untuk membuat dasar dan keputusan politik (Syed Ahmad 1994).

Menurut Mohd Fo'ad (1999), pilihan raya merupakan satu ruang kepada rakyat untuk menggunakan hak mereka memilih kerajaan yang mereka percayai boleh memerintah serta mampu memenuhi kehendak rakyat. Malaysia mengamalkan sistem politik pelbagai parti yang mana parti politik yang memperoleh majoriti mudah kerusi di Parlimen atau DUN boleh menubuhkan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Sistem pilihan raya yang digunakan di Malaysia berasaskan *First-Past-The-Post-System*<sup>3</sup>. Ini bermakna calon yang memperoleh majoriti mudah walaupun dengan majoriti

satu undi akan diisyihar pemenang di bahagian pilihan raya yang berkenaan. Beberapa elemen yang penting dalam pilihan raya di Malaysia ialah bahagian/kawasan pilihan raya, pemilih, calon dan proses pilihan raya.

## Kawasan Kajian

Negeri Kelantan Darul Naim mempunyai keluasan 14,922 km persegi atau 1.5 juta hektar. Ibu negeri Kelantan adalah Kota Bharu yang terletak 6 km daripada Sungai Kelantan. Negeri ini meliputi 4.4 peratus keluasan Malaysia dan terbahagi kepada 10 jajahan. Jumlah penduduk Kelantan pula menunjukkan lebih 70 peratus dari penduduk Kelantan tinggal dalam tujuh jajahan utara yang hanya meliputi 26 peratus keluasan negeri Kelantan. Jajahan tersebut ialah Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah, Pasir Puteh, Kota Bharu, Machang dan Bachok manakala 30 peratus lagi tinggal di bahagian selatan negeri Kelantan (Lihat Jadual 1).

**Jadual 1: Keluasan Jajahan-jajahan Pentadbiran di Kelantan**

Jajahan	Keluasan (Hektar)	Peratus
Kota Bharu	40,900	2.7
Pasir Mas	57,800	3.9
Tumpat	16,800	1.1
Pasir Puteh	43,300	2.9
Bachok	26,400	1.8
Kuala Krai	222,500	14.9
Machang	54,400	3.7
Tanah Merah	86,800	5.8
Jeli	132,900	8.9
Gua Musang	810,400	54.3
<b>Jumlah</b>	<b>1,492,200</b>	<b>100</b>

Sumber: Kelantan.gov.my (2011)

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (2010), jumlah penduduk Kelantan adalah 1,539,601 orang dengan majoritinya adalah etnik dengan Melayu dengan 1,426,373 orang<sup>4</sup> atau 92.65 peratus. Diikuti pula dengan etnik Cina dengan 51,614 orang dengan 3.36 peratus, Bumiputra lain pula sebanyak 16,105 orang atau 1.04 peratus. Etnik India pula sebanyak 0.25 peratus atau 3,849 orang dan lain-lain pula 9,118 orang atau 0.59 peratus manakala bagi bukan Warganegara Malaysia pula, 32,472 orang atau 2.11 peratus (Lihat Jadual 2). Mereka menganut pelbagai kepercayaan agama dengan majoritinya beragama Islam.<sup>5</sup> Dari segi jumlah penduduk mengikut jantina pula sebanyak 773,698 orang adalah lelaki (50.25 peratus) manakala 765,903 orang adalah wanita (49.75 peratus) manakala dari segi jumlah kepadatan penduduk mengikut jajahan pula, jajahan Kota Bharu mencatatkan jumlah penduduk yang paling tinggi iaitu 491,237 orang dan jajahan yang mempunyai jumlah kepadatan penduduk yang rendah adalah di Jeli dengan 40,637 orang (Jabatan

Perangkaan Malaysia: 2010).

### **Jadual 2: Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik dan Jajahan di Kelantan, 2010**

Jajahan	Bumiputra		Cina	India	Lain-lain	Bukan Warganegara	JUMLAH
	Melayu	Bumiputra lain					
Kota Bharu	454,060	1,750	23,773	1,382	1,257	9,015	491,237
Pasir Mas	181,108	70	3,768	28	767	3,551	189,292
Tumpat	140,443	41	6,594	127	4,963	1,808	153,976
Pasir Puteh	114,671	47	855	18	903	889	117,383
Bachok	130,428	77	1,347	31	425	844	133,152
Kuala Krai	98,990	59	4,220	967	120	5,105	109,461
Machang	88,957	108	2,602	416	66	938	93,087
Tanah Merah	111,944	198	4,268	444	484	3,981	121,319
Jeli	38,523	721	101	63	37	1,192	40,637
Gua Musang	67,249	13,034	4,086	373	166	5149	90,057
<b>JUMLAH</b>	<b>1,426,373</b>	<b>16,105</b>	<b>51,614</b>	<b>3,849</b>	<b>9,188</b>	<b>32,472</b>	<b>1,539,601</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010


Dari segi kawasan pilihan raya pula, Pada pilihan raya 2013, Kelantan mempunyai sebanyak 14 buah kerusi Parlimen dan 45 buah Dewan Undangan Negeri. SPR menyatakan kawasan pilihan raya di Kelantan dibahagikan kepada tiga kawasan iaitu utara, tengah dan selatan. Kawasan utara meliputi Pengkalan Chepa, Tumpat, Kota Bharu, Kubang Kerian, Pasir Mas, Ketereh, Rantau Panjang dan Bachok manakala bagi kawasan tengah pula, Tanah Merah, Machang dan Pasir Puteh. Sementara itu, bagi kawasan selatan pula meliputi Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang. Selain itu, negeri Kelantan mempunyai 596 daerah mengundi<sup>6</sup> dengan Tumpat (57 buah), Pengkalan Chepa (33 buah), Kota Bharu (35 buah), Kubang Kerian (41 buah), Pasir Mas (44 buah), Ketereh (36 buah), Rantau Panjang (36 buah), Bachok (54 buah), Tanah Merah (36 buah), Machang (40 buah), Pasir Puteh (53 buah), Jeli (33 buah), Kuala Krai (49 buah) dan Gua Musang (49 buah). Jumlah pemilih yang berdaftar dengan SPR pada 2013 pula adalah 918,573 pemilih dengan 906,366 adalah pemilih biasa manakala selebihnya iaitu 12,207 adalah pemilih pos. Parlimen Tumpat mencatatkan jumlah pemilih yang paling tinggi iaitu 98,632 pemilih, manakala Gua Musang mencatatkan jumlah pemilih paling rendah dengan 40,176 pemilih.

### **Metodologi**

Data kajian ini diperoleh melalui dua sumber utama iaitu sumber primer dan sekunder. Data primer diperoleh melalui pemerhatian di lapangan dan temubual dengan beberapa responden yang terlibat secara langsung dalam PRU ke-13 di Kelantan. Sumber sekunder diperoleh melalui kaedah kepustakaan yang digunakan untuk mendapatkan data sekunder yang berkaitan data pilihan raya

Article: Mohd Faidz Mohd Zain, Samsu Adabi Mamat, Jamaie Hj. Hamil and Junaidi Awang Besar  
di kawasan kajian dan persepsi pihak yang berkenaan PRU di Kelantan.

**Rajah 1: Peta kawasan pilihan raya dan jumlah pemilih di Kelantan**



Dewan Rakyat/Parlimen & DUN	Jumlah Pemilih
<b>P19 TUMPAT</b>	<b>98,632</b>
N1 Pengkalan Kubur	24,097
N2 Kelaboran	22,180
N3 Pasir Pekan	26,854
<u>N4 Wakaf Bharu</u>	<u>25,501</u>

<b>P20 PENGKALAN CHEPA</b>	<b>64,409</b>
N5 Kijang	19,329
N6 Chempaka	21,364
<u>N7 Panchor</u>	<u>23,716</u>
<b>P21 KOTA BHARU</b>	<b>81,268</b>
N8 Tanjong Mas	27,514
N9 Kota Lama	28,248
<u>N10 Bunut Pavong</u>	<u>25,506</u>
<b>P22 PASIR MAS</b>	<b>71,965</b>
N11 Tendong	21,281
N12 Pengkalan Pasir	27,327
<u>N13 Chetok</u>	<u>23,357</u>
<b>P23 RANTAU PANJANG</b>	<b>52,903</b>
N14 Meranti	16,528
N15 Gual Periorek	21,387
<u>N16 Bukit Tuku</u>	<u>14,988</u>
<b>P24 KUBANG KERIAN</b>	<b>65,390</b>
N17 Salor	20,011
N18 Pasir Tumbuh	18,518
<u>N19 Demit</u>	<u>26,861</u>
<b>P25 BACHOK</b>	<b>81,566</b>
N20 Tawang	27,585
N21 Perupok	26,913
<u>N22 Jelawat</u>	<u>27,068</u>
<b>P26 KETEREH</b>	<b>62,217</b>
N23 Melor	22,094
N24 Kadok	17,107
<u>N25 Kok Lanas</u>	<u>23,016</u>
<b>P27 TANAH MERAH</b>	<b>58,237</b>
N26 Bukit Panau	27,405
N27 Gual Ipoh	16,423
<u>N28 Kemahang</u>	<u>14,423</u>
<b>P28 PASIR PUTEH</b>	<b>76,259</b>
N29 Selising	18,058
N30 Limbongan	23,827
N31 Semerak	18,269
<u>N32 Gaal</u>	<u>16,105</u>
<b>P29 MACHANG</b>	<b>59,226</b>
N33 Pulai Chondong	18,875
N34 Temangan	17,966
<u>N35 Kemuuning</u>	<u>22,385</u>
<b>P30 JELI</b>	<b>43,224</b>
N36 Bukit Bunga	16,609
N37 Air Lanas	15,007
<u>N38 Kuala Balah</u>	<u>11,608</u>
<b>P31 KUALA KRAI</b>	<b>63,101</b>
N39 Mengkebang	17,674
N40 Guchil	19,088
N41 Manek Urai	15,879
<u>N42 Dabong</u>	<u>10,460</u>

<b>P32 GUA MUSANG</b>	<b>40,176</b>
N43 Nenggiri	11,572
N44 Paloh	13,642
N45 Galas	14,962
<b>JUMLAH</b>	<b>918,573</b>

Sumber: Diubahsuai daripada (SPR. 2013, Berita Harian 2013, Harian Metro 2013 dan Sinar Harian 2013)

### **Keputusan Pilihan Raya pada Peringkat DUN Kelantan**

Dalam PRU ke-12 BN berjaya menguasai enam kerusi<sup>7</sup> DUN daripada 45 kerusi yang dipertandingkan manakala bagi pihak PR pula, memenangi 39 kerusi (38 kerusi PAS, 1 kerusi PKR). Pada PRU ke-13, BN berjaya meningkatkan bilangan kerusi kepada 12 kerusi yang kebanyakannya adalah di kawasan luar bandar. Jika dianalisis kawasan pekan jajahan di Kelantan hanya pekan Jeli dan Gua Musang sahaja yang dimenangi oleh BN. Sementara itu, bagi kerusi yang dimenangi oleh PR pula lebih tertumpu di kawasan bandar serta pekan-pekan kecil di Kelantan.

Dalam PRU ke-13, beberapa kawasan tumpuan memperlihatkan beberapa saingan sengit berlaku. Dua kawasan yang menjadi tumpuan dalam PRU ini ialah di DUN Air Lanas dan DUN Chempaka<sup>8</sup>. DUN Air Lanas menyaksikan calon BN iaitu Mustapa Mohamed berjaya merampas kembali kerusi ini daripada PAS yang dimenangi pada PRU 2008. Calon BN ini, berjaya menewaskan penyandang Abdullah Ya'akub<sup>9</sup> dengan majoriti tipis 47 undi. Kerusi Air Lanas ini merupakan persaingan yang paling sengit kerana majoriti yang dimenangi oleh calon BN merupakan majoriti yang paling kecil dalam DUN Kelantan. Dalam PRU ke-13, DUN Air Lanas mempunyai 12 Daerah Mengundi yang memperlihatkan persaingan sengit antara kedua-dua calon BN dan PAS. Yang menarik perhatian adalah di Daerah Mengundi Orang Asli iaitu di Pos Sungai Rual apabila calon PAS tidak mendapat sebarang undi. Ini bermakna calon BN ini menang disebabkan undi Orang Asli di daerah mengundi Pos Sungai Rual. Calon BN ini, tewas di Daerah Mengundi Gunong, Bandar Jeli, Legeh, Sungai Satan dan Kedai Air Lanas. Jelas sekali calon BN ini hanya mendapat sokongan di kampung tradisi Melayu manakala di pekan-pekan kecil dalam jajahan Jeli ini BN tewas. Jadual 3 adalah keputusan PRU 13 di DUN Air Lanas berdasarkan Daerah Mengundi.

**Jadual 3: Keputusan PRU di DUN Air Lanas Mengikut Daerah Mengundi**

<b>Daerah Mengundi</b>	<b>BN</b>	<b>PAS</b>	<b>Majoriti</b>	<b>Undi Rosak</b>
Kalai	504	430	74	6
Gunong	557	832	-275	23
Bandar Jeli	1001	1067	-66	24
Gemang	1022	1020	2	15
Air Lanas	793	602	191	15
Legeh	309	414	-105	6
Sungai Satan	382	545	-163	13
Berdang	955	840	115	21
Pos Sungai Rual	205	0	205	3
Kedai Air Lanas	637	738	-101	7
Undi Awal	155	13	142	1
Undi Pos	85	57	28	35
<b>JUMLAH</b>	<b>6,605</b>	<b>6,558</b>	<b>47</b>	<b>166</b>

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya. 2013. *Score Sheet* Pilihan Raya Umum Ke-13

Satu lagi kawasan yang sering menjadi tumpuan dalam DUN Kelantan adalah di DUN Chempaka di mana kawasan ini menjadi taruhan PAS meletakkan Mursyidul Am PAS Tok Guru Nik Abdul Aziz<sup>10</sup> sejak tahun 1986 yang juga merupakan Menteri Besar Kelantan sejak tahun 1990. Pada pilihan raya kali ini, calon PAS berjaya menewaskan calon BN (Wan Razman Wan Razak) dengan majoriti 6,500 undi. Tok Guru Nik Abdul Aziz menang di semua daerah mengundi kecuali tewas pengundian awal dan juga undi pos. Daerah Mengundi yang mencatatkan majoriti yang paling tinggi adalah di Baung dengan majoriti 1,812 undi. Kawasan Daerah Mengundi Baung merupakan kawasan campuran antara kawasan elit Melayu dengan kawasan kampung tradisi Melayu. Kawasan elit Melayu ini, bermaksud golongan atasan yang kebanyakannya menetap di sekitar kawasan Baung. Mereka terdiri daripada golongan profesional seperti doktor, peguam dan juga ahli perniagaan. Jadual 4 adalah keputusan PRU ke-13 di DUN Chempaka berdasarkan Daerah Mengundi.

Ini menunjukkan dua situasi yang berbeza berlaku di DUN Chempaka dan DUN Air Lanas. Di DUN Chempaka ini melihat identifikasi parti penduduk di kawasan ini cukup tinggi. Ini kerana di kawasan ini BN belum pernah lagi menang. Ini juga dapat dibuktikan pengaruh Tok Guru begitu hebat kerana berjaya mengekalkan kerusi DUN Chempaka ini sejak PRU tahun 1986 lagi. Selain itu, ikatan identifikasi parti pengundi terhadap PAS juga cukup tinggi di DUN Chempaka. Namun bagi DUN Air Lanas, melihat faktor sosiologikal mempengaruhi keputusan pilihan raya ini. Faktor sosiologikal dilihat kecenderungan pengundi Orang Asli lebih berpihak kepada BN yang mana ia dapat dibuktikan di Daerah Mengundi Pos Sungai Rual, calon PAS tidak

mendapat sebarang undi.

#### **Jadual 4: Keputusan PRU 13 di DUN Chempaka Mengikut Daerah Mengundi**

<b>Daerah Mengundi</b>	<b>BN</b>	<b>PAS</b>	<b>Majoriti</b>	<b>Undi Rosak</b>
Pulau Gajah	339	789	450	13
Sabak	512	863	351	23
Tebing Tinggi	351	726	375	9
Telok Kitang	252	588	336	9
Kampung Pulau Panjang	730	1606	876	17
Tanjong Baharu	358	645	287	20
Che Deris	636	1480	844	26
Baung	747	2559	1812	25
Pengkalan Nangka	176	567	391	9
Chempaka	822	2014	1192	38
Undi Awal	594	359	-235	9
Undi Pos	293	114	-179	39
<b>Jumlah</b>	<b>5,810</b>	<b>12,310</b>	<b>6,500</b>	<b>237</b>

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya. 2013. *Score Sheet Pilihan Raya Umum Ke-13*

Dalam PRU ini juga, seramai lima calon wanita bertanding di peringkat DUN di Kelantan. Di mana tiga orang bertanding diatas tiket PAS dan dua orang lagi bagi pihak BN. Bagi PAS, mereka meletakkan Wan Ubaidah Omar (Kijang), Rohani Ibrahim (Tanjong Mas) dan Mumtaz Md. Nawi (Demit). Ketiga-tiga calon ini menang dengan majoriti yang besar dengan menewaskan calon BN. Wan Ubaidah menewaskan calon BN (Zaluzi Sulaiman) dengan majoriti 5,143 undi, Rohani Ibrahim pula, menewaskan calon BN (Kanidy Omar) dengan majoriti 8,521 undi sementara itu, Mumtaz Md. Nawi<sup>11</sup> menewaskan Wan Mohd Nazi Wan Hamat yang juga calon BN dengan majoriti 8,581 undi. BN pula meletakkan calon di DUN Pasir Pekan (Nik Noriza Nik Salleh) yang tewas kepada calon PAS (Ahmad Yakob) dengan majoriti 5,644 undi dan DUN Kemahang (Dayang Saniah Awang Hamid) yang juga tewas kepada calon PAS (Mohd Anizam Abdul Rahman) dengan majoriti 1,436 undi. Menurut Rohani (2013), PAS meletakkan calon wanita dalam pilihan raya berikutnya dengan kehendak semasa, kerana umum mengetahui bahawa kini pengundi adalah ramai dalam kalangan wanita serta ahli PAS juga ramai wanita. Menurut beliau lagi, wanita boleh diberi tanggungjawab serta lebih amanah daripada lelaki. Pendapat beliau juga senada dengan Nik Mazian (2013) dan Hassan (2013), menyatakan keperluan wanita dalam politik berikutnya dengan kehendak semasa dan menunjukkan kebebasan dalam demokrasi.

Kawasan-kawasan DUN lain yang berjaya dirampas kembali oleh BN selain Air Lanas ialah di Gual Ipoh, di mana calon BN menang dengan

majoriti 1,404 undi menewaskan calon PAS (Wan Yusoff Wan Mustafa). DUN Selising memperlihatkan pertandingan 3 penjuru antara calon BN, PAS dan Bebas. Calon BN (Zulkifle Ali) menang dengan majoriti 107 undi. Menurut Nik Mazian (2013), jika tidak berlaku konflik dalaman PAS dan calon Bebas tidak bertanding maka PAS akan terus menang di kawasan ini. Sementara itu, di DUN Semerak (Zawawi Othman) yang merupakan calon BN menang dengan 985 undi majoriti. Seterusnya satu lagi kawasan yang berjaya ditawan semula oleh BN ialah di Dabong dengan kemenangan majoriti 229 undi. Calon BN yang juga Ketua UMNO Bahagian Kuala Krai menewaskan calon PAS (Ku Mohd Zaki Ku Hussin). Sementara itu, satu kerusi yang dimenangi oleh PKR ialah di Guchil menerusi calonnya iaitu Mohd Roslan Puteh yang menewaskan tiga lagi calon dengan majoriti 492 undi. Beberapa pemimpin utama PAS negeri berjaya mengekalkan kemenangan mereka, antaranya ialah Ahmad Yaakob<sup>12</sup> (Pasir Pekan), Mohd Amar Abdullah<sup>13</sup> (Panchor), Anuar Tan Abdullah<sup>14</sup> (Kota Lama), Mohd Nasaruddin Daud<sup>15</sup> (Meranti), Husam Musa (Salor) dan Mejari (B) Md Anizam Abdul Rahman<sup>16</sup> (Kemahang). Kesemua mereka ini menganggotai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang diketuai oleh Ahmad Yaakob sebagai Menteri Besar kecuali Husam Musa yang digugurkan daripada Exco.

### **Keputusan Pilihan Raya pada Peringkat Parlimen Kelantan**

Sebanyak 14 buah kerusi Parlimen yang diwartakan oleh SPR untuk negeri Kelantan. Pada PRU 2008, hanya dua kerusi sahaja yang dimenangi oleh BN manakala PAS sembilan kerusi dan PKR tiga kerusi. Namun pada PRU ke-13, BN berjaya memenangi lima kerusi dan PAS kekal sembilan kerusi. Trend pengundian juga dilihat rakyat Kelantan menolak 100 peratus calon PKR di peringkat Parlimen di mana kesemua kerusi yang ditandingi oleh PKR tewas kepada BN. Kerusi yang dimenangi BN adalah kawasan luar bandar kecuali di Ketereh kawasan pinggir bandar Kota Bharu yang dimenangi oleh BN. Di Ketereh, calon BN (Annuar Musa) menewaskan calon PKR (Abdul Aziz Kadir) dengan majoriti 974 undi. Dua lagi kawasan yang berjaya ditawan kembali oleh BN ialah di Tanah Merah, apabila Ikmal Hisham Abdul Aziz menewaskan dua lagi calon iaitu calon PKR (Nik Mahmood Nik Hassan) dan seorang calon Bebas (Ahmad Fizal Che Harun) dengan majoriti 4,227 undi. Manakala satu lagi pula adalah di Machang, setelah Ahmad Jazlan Yaakub menewaskan calon PKR iaitu Wan Zawawi Wan Ismail dengan majoriti 805 undi.

Kawasan tumpuan setiap kali pilihan raya di Kelantan adalah di Jeli yang melibatkan calon BN (Mustapha Mohamad) yang bertanding di kerusi ini sejak tahun 1995 iaitu sejak ia diwartakan oleh SPR sebagai kawasan Parlimen baru. Sejak PRU 1995 hingga pada PRU 2013, calon BN ini pernah tewas pada PRU 1999 kepada Mohd Apandi Mohammad yang disebabkan ‘taufan politik’ dan reformasi Anwar Ibrahim. Pada kali ini, memperlihatkan pertembungan

kali keempat antara Mustafa Mohamad dengan calon PAS (Mohd Apandi Mohammad. Sejak PRU 1999, 2004, 2008 dan 2013 Jeli menjadi pertempuran dua calon ini. Majoriti kemenangan calon di Jeli ini tidak menentu. Jadual 5 menunjukkan majoriti yang dimenangi oleh calon yang bertanding di Jeli sejak PRU 1999 hingga PRU 2013.

**Jadual 5: Majoriti Kemenangan parti bertanding di Parlimen Jeli sejak PRU 1999 hingga PRU 2013**

Tahun	Majoriti	Parti Yang Menang
PRU 1999	693	PAS
PRU 2004	7,353	BN
PRU 2008	4,436	BN
PRU 2013	5,269	BN

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya 1999-2004 dan Berita Harian 2013.

Dalam PRU di Kelantan, dua kawasan tradisi yang dimenangi oleh PAS dan BN ialah di Kubang Kerian dan Gua Musang. Dalam PRU 13 ini, ikatan identifikasi parti terhadap dua kawasan ini begitu kuat kepada BN di Gua Musang dan PAS di Kubang Kerian. Di Kubang Kerian, calon PAS (Ahmad Baihaqi Atiqullah) menang dengan menewaskan calon BN (Anuar Safian) dengan majoriti 16,741 undi. Ini dapat dibuktikan kesemua Daerah Mengundi di Kubang Kerian dimenangi PAS kecuali undi pos dan pengundian awal. Antara Daerah Mengundi yang dimenangi oleh PAS adalah di Pekan Kubang Kerian iaitu di Demit, Kenali dan Kampung Chicha. Pekan Kubang Kerian ini menjadi tumpuan penduduk sekitar Kota Bharu kerana mempunyai Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dan beberapa pusat membeli-belah serta beberapa syarikat perbankan. Di samping itu, kawasan Pekan Kubang Kerian ini juga, menjadi penempatan utama pengundi Cina di kawasan Parlimen Kubang Kerian ini. Ketiga-tiga daerah mengundi ini terletak dalam DUN Demit. Seterusnya Daerah Mengundi yang dikatakan menjadi ‘lubuk’ atau kubu kuat bagi PAS adalah di Pasir Tumboh dan Kampung Terusan kerana ia merupakan penempatan beberapa buah pondok pengajian agama di dalam DUN Pasir Tumbuh yang juga terletak dalam Kubang Kerian (Abdul Rahman 2013). Seperti yang dijangka, di kedua-dua Daerah Mengundi ini, PAS menang dengan majoriti yang besar. Sementara itu, beberapa kampung tradisi Melayu juga dimenangi oleh PAS khususnya di DUN Salor dalam Parlimen Kubang Kerian. Kawasan terbabit adalah di Mulong dan Pendek yang mencatatkan majoriti melebihi 500 undi. Berikut adalah beberapa kawasan tumpuan yang melibatkan beberapa Daerah Mengundi di Kubang Kerian.

### **Jadual 6: Daerah-Daerah Mengundi Utama di Parlimen (P24) Kubang Kerian**

<b>Daerah Mengundi</b>	<b>PAS</b>	<b>BN</b>	<b>Majoriti</b>
Kota Selatan	1031	573	458
Pendek	1098	574	524
Mulong	1035	447	588
Salor	1056	536	520
Padang Enggang	1074	591	483
Pasir Hor	1210	751	459
Pasir Tumboh (Pondok Pasir Tumbuh)	1194	654	540
Kampung Terusan (Pondok Pasir Tumbuh)	1043	164	879
Demit (Pekan Kubang Kerian)	1428	524	904
Kenali (Pekan Kubang Kerian)	2337	1005	1332
Kampung Chicha (Pekan Kubang Kerian)	1249	545	704
Gong Dermin	1041	439	602

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya, *Score Sheet Pilihan Raya Umum Ke-13*

Bagi kawasan tradisi yang dimenangi oleh BN pula adalah di Gua Musang. Pada PRU ke-13 yang lalu, calon BN iaitu Tengku Razaleigh Hamzah<sup>17</sup> menewaskan calon PAS (Wan Abdul Rahim Wan Abdullah) dengan majoriti 8,413 undi. Ini dapat dilihat apabila calon BN berjaya menguasai hampir semua Daerah Mengundi di Parlimen Gua Musang, terutama di kawasan penempatan Orang Asli seperti di Tohoi, Pos Simpor, Sungai Puian, Belatim, Balar dan Bihai. Hanya satu sahaja kawasan penempatan Orang Asli yang BN tewas iaitu di Hau. BN juga menang di kawasan tanah rancangan seperti Felda Sungai Chiku 1, Felda Sungai Chiku 7, Felda Sungai Chiku 2 dan Kesedaran Paloh 2. Namun BN tewas di kawasan Bandar Gua Musang serta kawasan pengundi Cina iaitu di Kampung Bharu dan Bandar Baru Gua Musang. Walau bagaimanapun, BN menang di salah satu Daerah Mengundi Cina iaitu Bandar Baru Gua Musang. Berikut adalah beberapa kawasan tumpuan yang melibatkan beberapa Daerah Mengundi di Gua Musang yang dibahagikan mengikut kawasan Orang Asli, tanah rancangan, kampung Melayu dan bandar (Cina).

### **Jadual 7: Daerah-Daerah Mengundi Utama di Parlimen Gua Musang**

<b>Daerah-Daerah Mengundi</b>	<b>BN</b>	<b>PAS</b>	<b>Majoriti</b>
Sungai Wias (Orang Asli)	149	14	135
Tohoi (Orang Asli)	187	3	184
Lojing (Orang Asli)	584	78	506
Belatim (Orang Asli)	168	8	160
Bihai (Orang Asli)	227	43	184
FELDA Sungai Chiku 1 (Tanah Rancangan)	1041	655	386
FELDA Sungai Chiku 7 (Tanah Rancangan)	779	343	436
FELDA Sungai Chiku 2 (Tanah Rancangan)	694	437	257
KESEDAR Paloh 2 (Tanah Rancangan)	727	325	399

KESEDAR Limau Kasturi (Tanah Rancangan)	132	113	245
Pasir Tumbuh (Kampung Melayu)	232	224	8
Sungai Betis (Kampung Melayu)	922	246	676
<b>Kampung Bharu (Bandar- Cina)</b>	<b>881</b>	<b>1085</b>	<b>-201</b>
<b>Bandar Lama Gua Musang (Bandar- Cina)</b>	<b>680</b>	<b>752</b>	<b>-72</b>
Bandar Baru Gua Musang (Bandar- Cina)	957	853	104

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya. 2013. *Score Sheet Pilihan Raya Umum*

Ke-13

Sementara itu, di Kuala Krai memperlihatkan seorang calon luar bertanding atas tiket PAS untuk penggal kedua. Calon yang dimaksudkan adalah Dr. Mohd Hatta Md Ramli<sup>18</sup> yang merupakan salah seorang orang luar yang bertanding di Kelantan selain daripada Takiyuddin Hassan<sup>19</sup> di Kota Bharu pada PRU ke-13. Dr. Mohd Hatta Md Ramli berjaya menewaskan calon BN (Tuan Aziz Tuan Hamat) dengan majoriti 2,043 undi. Majoriti yang dimenangi oleh calon PAS ini berkurangan berbanding dengan PRU 2008. Pada PRU 2008, Dr. Mohd Hatta Md Ramli mendapat majoriti 4,984 undi. Ini menunjukkan majoriti yang dimenangi beliau merosot sebanyak 59 peratus. Keperluan calon luar dalam pilihan raya di Kelantan menunjukkan PAS lebih cenderung meletakkan di Parlimen berbanding DUN (Mohd Faidz & Samsu Adabi 2013). Menurut Md Yusnan (2013), Rohani (2013), Ahmad Baihaki (2013) dan Mohd Rosdi (2013) menyatakan Orang Kelantan lebih terbuka dalam politik mereka menerima sesiapa sahaja sebagai pemimpin asalkan perjuangan mereka memenuhi aspirasi rakyat. Menurut Md Yusnan (2013) dan Rohani (2013) lagi, calon luar ini adalah keperluan parti untuk meletakkan orang berkaliber yang boleh mewakili suara dalam Parlimen. Ini dapat dibuktikan pada PRU 2008 di mana Pakatan Rakyat (PR) memilih calon luar untuk bertanding di Kelantan. Mereka yang mempunyai pengaruh dan berketrampilan tinggi seperti Nasaruddin Mat Isa<sup>20</sup> (Bachok), Salahuddin Ayob<sup>21</sup> (Kubang Kerian) dan Saifuddin Nasution<sup>22</sup> (Machang) antara yang dipilih.

Dalam pada itu, situasi yang mengejutkan seluruh Malaysia di mana calon BN di Pasir Mas iaitu Che Johan Che Pa tidak menyerahkan borang pencalonan kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya (Mohd Ghazali Mohammad), menyebabkan pertembungan dua penjuru antara calon Bebas yang juga penyandang kerusi (Ibrahim Ali) dengan calon PAS (Nik Mohamad Abdur Nik Abdul Aziz) yang juga merupakan anak kepada Tok Guru Nik Abdul Aziz (Utusan Malaysia 2013 & Sinar Harian 2013). Kekalahan Ibrahim Ali sudah diduga sejak awal lagi, beliau tewas dengan majoriti 8047 undi. Ini membuktikan kemenangan beliau pada 2008, semata-mata kerana sokongan ahli serta penyokong PAS. Punca Ibrahim Ali kalah pada PRU 2013 ini, kerana pada PRU 2008<sup>23</sup> beliau bertanding dengan menggunakan lambang PAS, tetapi tindakan beliau banyak membelakangkan kepimpinan PR khususnya PAS.

## Faktor Penolakan UMNO Di Kelantan

### *Imej Kepimpinan Tok Guru*

Sejak memerintah Kelantan pada tahun 1990, PAS Kelantan berjaya menonjolkan imej kepimpinan Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai seorang ulama<sup>24</sup> yang memerintah negeri ini dengan bersih dan dihormati di segenap peringkat. Beliau dilantik Menteri Besar Kelantan ketujuh<sup>25</sup> pada 21 Oktober 1990. Beliau merupakan orang kedua paling lama memegang tampuk pemerintahan kerajaan negeri selepas Ketua Menteri Sarawak, Abdul Taib Mahmud. Namun selepas PAS berjaya membentuk kerajaan negeri untuk penggal ke-6, Tok Guru Nik Abdul Aziz berundur daripada jawatan Menteri Besar dan digantikan dengan ADUN Pasir Pekan (Ahmad Yaakob). Imej Tok Guru amat mempengaruhi pola pengundian di Kelantan. Tok Guru menjadi aset dalam menentukan kesinambungan pemerintahan PAS di Kelantan tindakan beliau untuk terus tinggal di rumahnya di Pulau Melaka lambang kesederhanaan hidupnya, walaupun Menteri Besar diperuntukkan kediaman rasmi di JKR 10. Tok Guru mempunyai ‘aura’ tersendiri di mana dengan keperibadian beliau telah mempengaruhi pengundi di Kelantan. Keperibadian beliau ini boleh menarik minat sokongan khususnya golongan muda yang baru mula mengenal erti politik (Mohd Huzaimy 2013).

Pengaruh beliau juga bukan sahaja mempengaruhi undi dalam pilihan raya malah juga dalam proses pemilihan calon dalam pilihan raya jika berlaku pertikaian di peringkat kawasan. Contohnya, seperti yang berlaku dalam pemilihan calon PRU 13 di Parlimen Kubang Kerian. Pada mulanya, PAS kawasan Kubang Kerian mencadangkan seorang calon wanita iaitu Mumtaz Md. Nawi tetapi dibantah oleh akar umbi parti. Dengan itu, Yang Dipertua PAS kawasan Kubang Kerian (Husam Musa) dan beberapa AJK PAS Kawasan Kubang Kerian berjumpa dengan Tok Guru Nik Aziz baru menyelesaikan permasalahan ini. Sebagai ganti, Husam mencadangkan diri beliau sebagai calon tetapi Tok Guru Nik Aziz tidak menerima cadangan beliau, lantas menyatakan calon PAS untuk Kubang Kerian adalah Ahmad Baihaki Attiqullah dan Husam Musa akan bertanding di Putrajaya (Abdul Rahman 2013, Ahmad Baihaki 2013).

Jentera pilihan raya PAS juga menggunakan pengaruh Tok Guru Nik sebagai ikon bagi PAS melalui poster calon pilihan raya dengan memasang poster dan kain rentang gambar Tok Guru. Ini dilakukan bagi menggambarkan sokongan daripada akar umbi bukan sahaja kesetiaan kepada parti malahan juga kesetiaan penyokong kepada Tok Guru. Penggunaan imej Tok Guru ini turut mewarnai senario perang poster dalam PRU ke-13 ini. Hal sedemikian juga dilakukan oleh penyokong BN. Gambar Perdana Menteri (Datuk Seri Mohd Najib Abdul Razak) juga dinaikkan bersama-sama dengan poster calon BN. Ini juga menunjukkan kedua-dua pihak memerlukan seorang tokoh untuk

menarik perhatian pengundi. Ini telah diakui oleh beberapa jentera pilihan raya, di mana mereka memerlukan seseorang untuk menarik hati pengundi (Nik Mazian 2013, Hassan 2013). Dengan kata lain gambaran pemimpin utama parti ini dapat membantu menaikan serta menarik perhatian undi pada pilihan raya.

Pada 3 Mei 2013, diadakan Majlis Munajat Rakyat Kemenangan Rakyat Kelantan PRU 13 di Stadium Sultan Muhammad IV. Solat hajat ini diimamkan sendiri oleh Tok Guru ini adalah untuk memohon diberi kemenangan besar dalam pilihan raya ini. PAS Kelantan menggunakan gambar Tok Guru Nik Aziz sedang berdoa sambil menitiskan air mata dalam Majlis Munajat Rakyat Kemenangan Rakyat Kelantan PRU ke-13 untuk meraih sokongan pengundi. PAS Kelantan menggunakan pendekatan yang sama pada PRU 2008 dalam meraih sokongan pengundi.

Selain itu, pengaruh Tok Guru juga, dipengaruhi oleh sikap penyokong PAS yang begitu fanatik kepada beliau. Gambar beliau akan terus dipamer dimana-mana sahaja sama ada di kenderaan ataupun rumah penyokong-penyokong fanatik PAS. Sikap penyokong PAS yang mengagungkan Tok Guru sebagai tokoh yang terbilang. Tok Guru merupakan ikon kepada rakyat Kelantan, sehingga pihak UMNO sendiri mengakui amat sukar untuk menyerang peribadi Tok Guru Nik Aziz, beliau berkarakteristik dan populariti beliau sangat tinggi pada mata masyarakat Kelantan (Md. Yusnan 2013, Mohamad Zaidan 2013).

Selepas peralihan kuasa kepimpinan kerajaan negeri kepada Ahmad Yaakob, beliau masih lagi diangkat sebagai pemimpin yang dihormati oleh PAS di Kelantan. Ini kerana Tok Guru masih lagi Pesuruhjaya PAS Kelantan, maka segala urusan parti masih lagi dibawah tanggungjawab beliau. Untuk menghargai kepimpinan Tok Guru, Kerajaan Negeri Kelantan sedang dalam perancangan untuk menubuhkan Institut Pemikiran Tok Guru dalam menghargai sumbangan beliau sepanjang menjadi Menteri Besar Kelantan (Abdul Rahman 2013, Mohd Huzaimey 2013 dan Nik Mazian 2013).

### *Pengundi Bandar dan Pengundi Cina*

Pola pengundian pengundi bandar dan pengundi Cina menjadi topik perbualan yang hangat selepas PRU ke-13. Secara umumnya, seluruh Malaysia mengakui seluruh ibu negeri dikuasai oleh pihak PR kecuali di Johor Bahru dan Kangar. Begitu juga di DUN Kelantan, semua pekan utama jajahan di negeri ini dikuasai oleh pihak PR kecuali di Air Lanas (Pekan Jajahan Jeli) dan Galas (Pekan jajahan Gua Musang). Bagi jajahan Kota Bharu, hanya satu kerusi sahaja dimenangi oleh BN iaitu Kok Lanas. Dalam jajahan Kota Bharu mempunyai 12 buah Dun dan 4 buah Parlimen. Bagi Parlimen pula, hanya satu dimenangi oleh BN iaitu di Ketereh. Ini menunjukkan beberapa pekan kecil dalam jajahan Kota Bharu juga dimenangi oleh PR. Namun pekan kecil

di Kota Bharu ini sudah menjadi kubu kuat bagi PAS terutamanya di Pengkalan Chepa dan Kubang Kerian.

Kecenderungan pengundi bandar untuk memilih PR kerana sikap dan pemikiran pengundi bandar lebih terbuka dan banyak terdedah dengan maklumat melalui media sosial seperti facebook, blog dan beberapa laman sosial yang lain. Pengundi bandar melihat janji-janji yang dibuat oleh BN gagal menarik perhatian mereka kerana mereka lebih selesa dan kemudahan yang hendak ditawarkan kepada pengundi sudah lengkap dan telah mempunyai segala-galanya. Pengundi bandar melihat janji-janji yang dibuat oleh BN lebih bersifat kekampungan (Nik Mazian 2013, Rosmadi 2013). Pengundi bandar melihat cara kempen dan isu yang dibawa oleh BN lebih tertumpu di kawasan luar bandar.

Kecenderungan sokongan pengundi Cina terhadap PR juga berlaku di Kelantan. Contohnya, di Parlimen Kota Bharu, calon BN iaitu Mohd Fatmi Che Salleh gagal menarik perhatian pengundi di Kota Bharu apabila tewas kepada calon PAS, Takiyuddin Hassan yang menang dengan majoriti 15,970 undi. Dalam Parlimen ini, pengundi Melayu berjumlah 82.8 peratus, manakala pengundi Cina berjumlah 15.8 peratus. Parlimen ini merupakan satu-satunya pengundi Cina melebihi 10 peratus. Senario ini juga berlaku DUN Kota Lama dalam Parlimen Kota Bharu, calon PAS (Anuar Tan Abdullah) menang dengan majoriti 6,618 undi. Calon PAS ini berjaya menewaskan dua calon lain iaitu Tan Ken Ten (MCA/BN) dan Mohd Zakiman Abu Bakar (Bebas). DUN Kota Lama diwakili pengundi Melayu sebanyak 63.7 peratus manakala pengundi Cina 33.9 peratus. Anuar Tan Abdullah adalah seorang tokoh yang disegani oleh masyarakat Cina Kelantan. Melalui usaha dan suara beliau dalam kerajaan negeri, Jalan Kebun Sultan diiktiraf sebagai *China Town* di Kelantan (Harakahdaily 2013). Analisis mengikut Daerah Mengundi memperlihatkan calon PAS ini menang di kesemua Daerah Mengundi kecuali pengundian awal. Anuar Tan Abdullah menang semua daerah mengundi dengan majoriti melebihi 500 undi. Cuma di Atas Banggol, Jalan Pejabat Pos Lama, Bandar dan undi pos di bawah 500 undi. Kesemua Daerah Mengundi ini berada dalam lingkungan bandar Kota Bharu yang merupakan ibu negeri bagi negeri ini. Jadual 8 menunjukkan keputusan Daerah Mengundi di DUN Kota Lama.

**Jadual 8: Keputusan Daerah Mengundi di DUN Kota Lama**

Daerah Mengundi	PAS	BN	Bebas	Majoriti
Kubang Pasu	1,187	505	8	682
Kelochor	840	421	6	590
Kebun Sultan	1,183	572	20	611
Merbau	1,382	699	14	683
Atas Banggol	804	543	7	261
Jalan Pejabat Pos Lama	809	519	9	290
Bandar	1,122	670	8	452

Padang Garong	1,350	656	17	694
Islah Lama	1,091	514	9	577
Kampung Dusun	1,612	634	20	978
Kubor Kuda	1,507	824	17	683
Kota Lama	1,168	507	13	661
Undi Pos	137	89	2	48
Undi Awal	77	498	5	-421
<b>Jumlah</b>	<b>14,269</b>	<b>7,651</b>	<b>152</b>	<b>6,618</b>

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya. 2013. *Score Sheet Pilihan Raya Umum Ke-13*

Kecenderungan pengundi Cina menyokong PR juga dapat dilihat berlaku di DUN Guchil<sup>26</sup> dalam Parlimen Kuala Krai, iaitu calon PKR (Mohd Roslan Puteh) menang dengan majoriti 492 undi. Beliau menewaskan dua calon lain iaitu Nik Sapeia Nik Yusof yang merupakan calon BN dan seorang calon Bebas (Bustaman Yaacob). Di DUN ini, pengundi Melayu 84.7 peratus manakala pengundi Cina pula sebanyak 12.1 peratus. Nik Sapeia Nik Yusof merupakan satu-satunya calon Melayu dari BN bukan daripada UMNO. Beliau merupakan Naib Presiden *People Progressive Party* (PPP). Ini merupakan kali pertama PPP bertanding dalam pilihan raya di Kelantan. Pengundi Cina pada kali ini sama seperti 2008, di mana mereka menerima kepimpinan ulamak di Kelantan. Pengundi Cina menolak MCA di Kota Lama adalah disebabkan isu Hudud yang dimainkan oleh MCA pusat. Dalam media menyiarkan iklan untuk mengingatkan masyarakat Cina bahayanya mengundi PAS (*The Star* 2013). Dalam iklan tersebut turut dinyatakan bahawa undi PAS merupakan satu undi mengekang kebebasan masyarakat bukan Islam. Hal ini berbeza dengan pemahaman masyarakat Cina yang telah lama berada dalam pemerintahan PAS. Kebanyakan mereka sudah mengerti bahawa hudud adalah untuk orang Islam sahaja. Orang Cina di Kelantan sudah memahami perjuangan PAS bersesuaian dengan slogan PAS iaitu *PAS For All*<sup>27</sup>. Bagi mereka, PAS adalah sebuah parti yang tidak rasis bersesuaian dengan mereka yang minoriti di Kelantan serta orang Cina melihat BN lebih eksklusif untuk golongan atasan sahaja dan bagi mereka PAS bersesuaian dengan kehendak dan aspirasi mereka kerana pemimpin PAS ini lebih terbuka (Abdul Rahman 2013, Rohani 2013, Mohd Asri 2013 dan Mohamad Zaidan 2013).

### *Kegagalan Manifesto BN dan Gelombang Merah*

Kegagalan manifesto BN Kelantan juga merupakan faktor penyebab pengundi menolak BN di Kelantan. Pada pilihan raya kali ini, BN memperkenalkan Akujanji BN Kelantan dengan slogan “Rakyat Dihati, Janji Ditepati” namun gagal menarik minat masyarakat Kelantan untuk menyokong UMNO/BN. Antara isu yang cuba ditawarkan oleh BN Kelantan adalah untuk menyelesaikan masalah air di Kelantan. Namun masyarakat Kelantan tetap menolak BN

walaupun BN berjanji untuk menyelesaikan masalah air dalam tempoh 5 tahun. Menurut Md. Yusnan (2013), rakyat Kelantan tidak mempercayai janji BN untuk menyelesaikan masalah air. Ini kerana menurut beliau sepatutnya masalah ini boleh diatasi pada awal pemerintahan PAS di Kelantan. Namun peruntukan daripada Kerajaan Pusat disekat dalam menyelesaikan masalah ini. Pendapat beliau senada dengan Ahmad Baihaki (2013) yang menyatakan isu ini boleh diselesaikan jika mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Tambah beliau lagi, masalah air tidak seburuk seperti yang dilaporkan oleh pihak media. Masalah air di Kelantan bukanlah seperti air tiada langsung cuma masalah tekanan air sahaja yang rendah.

Bagi Abdul Rahman (2013) pula, melihat isu air ini kurang mendapat perhatian rakyat Kelantan kerana mereka mempunyai alternatif mendapat sumber air iaitu perigi. Rakyat Kelantan lebih berminat jika BN menawarkan bagaimana untuk menyelesaikan kemiskinan bandar di Kelantan. Pendapat beliau juga senada dengan Mohd Rosdi (2013) yang menyatakan rakyat Kelantan mempunyai alternatif untuk mendapatkan bekalan air. Jika air yang mereka dapat dari Air Kelantan Sdn Bhd itu kotor atau berkarat, mereka mempunyai alternatif lain seperti perigi.

Kegagalan BN menawan Kelantan juga disebabkan oleh isu hudud dengan menyatakan bahawa isu ini hanyalah strategi politik PAS ketika pilihan raya. Menurut Mohd Rosdi (2013) dan Hassan (2013) menyatakan hudud merupakan mainan politik PAS ketika pilihan raya. PAS masih belum bersedia untuk melakukan hudud di Malaysia kerana tidak mendapat sokongan daripada rakan mereka dalam PR. Namun pendapat ini diselar beberapa pemimpin PAS antaranya Nik Mazian (2013) menyatakan hudud ini adalah syariat Allah dan bukannya milik PAS. Menurut beliau lagi, hukum hudud ini tidak boleh dijalankan di Kelantan kerana tiada kerjasama dengan jabatan dibawah Kerajaan Pusat iaitu Polis dan Jabatan Penjara. Menurut Abdul Rahman (2013) dan Rohani (2013), PAS akan terus perjuangkan hudud selagi ia tidak dilaksanakan di Malaysia. Menurut mereka, masyarakat Cina di Kelantan sudah memahami hudud hanya akan dijalankan kepada orang Islam. Pemahaman mereka ini menyaksikan slogan yang di bawa oleh PAS iaitu *PAS For All* membuktikan ia berjaya menarik perhatian bukan Islam untuk terus menyokong PAS.

Gelombang Merah dan Gerakan Tukar<sup>28</sup> ini, merupakan satu gerakan yang dilakukan oleh NGO yang memperjuangkan untuk menumbangkan Kerajaan PAS di Kelantan (Rosmadi 2013). Usaha Gerakan Tukar ini gagal menarik perhatian pengundi di Kelantan. Namun ia tidak boleh menafikan kegagalan 100 peratus kerana pengundi yang menetap di Kelantan mungkin terkena tempiasnya. Sebaliknya pengundi dari luar Kelantan mungkin tidak mengetahui wujudnya gerakan ini. Ini diakui oleh Kanidy (2013) dan Rosmadi (2013), Gelombang Merah tidak sampai di Kuala Lumpur. Pengundi yang menetap di Kuala Lumpur lebih tertarik dengan janji yang dibuat oleh PR

seperti penghapusan tol, penghapusan PTPTN dan penurunan harga kereta (Hassan 2013 & Mohamad Zaidan 2013). Selain itu, Gelombang Merah ini juga tidak mendapat kerjasama daripada barisan parti komponen BN di Kelantan khususnya dalam Parlimen Kota Bharu. Parti komponen yang dimaksudkan ialah MCA. Tuntutan MCA dalam PRU ke-13 adalah meminta BN Kelantan menjanjiakan pemberian tanah kepada masyarakat Cina jika BN berjaya menguasai Kelantan. UMNO tidak bersetuju dengan tuntutan MCA tersebut, jadi penggerak Gelombang Merah serta jentera pilihan raya di Kota Bharu khususnya tumpul kerana hanya sebahagian sahaja jentera MCA digerakkan dan hanya mengharapkan jentera dari UMNO, sedangkan calon BN di DUN Kota Lama adalah daripada MCA (Mohd Asri 2013).

Bagi pemimpin PAS pula, mereka beranggapan Gelombang Merah ini masih memberi kesan kepada jentera PAS untuk terus berkempen kerana perasaan bimbang dan takut kepada Gelombang Merah itu tetap ada. Namun selepas hari penamaan calon, Gelombang Merah ini tiada taringnya lagi. Mereka berpendapat berkemungkinan calon yang diharapkan oleh penggerak Gelombang Merah ini tidak terpilih sebagai calon BN<sup>29</sup> di Kelantan (Ahmad Baihaki 2013, Abdul Rahman 2013, Nik Mazian 2013 dan Rohani 2013). Md. Yusnan (2013) pula, menyatakan rakyat Kelantan sendiri tidak yakin dengan Gelombang Merah. Ini kerana mereka melihat Pengurus Badan Perhubungan UMNO Kelantan iaitu Mustafa Mohamad bertanding dua kerusi iaitu di Parlimen Jeli dan DUN Air Lanas, membuktikan pemimpin UMNO sendiri tidak yakin dengan Gelombang Merah ini. Menurut beliau, Gelombang Merah ini tidak mencapai matlamat kerana selepas penamaan calon, calon BN yang bertanding lebih menonjolkan diri daripada parti. Ini bermaksud calon BN lebih mempromosikan diri berbanding daripada produk parti yang akan ditawarkan jika memerintah Kelantan. Situasi ini boleh dilihat dan berlaku di Parlimen Ketereh di mana Annuar Musa menang bukan kerana faktor Gelombang Merah ini tetapi lebih bersifat peribadi beliau yang dilihat lebih mesra rakyat dan ketokohan beliau dalam pembangunan bola sepak Kelantan (Rohani 2013).

### *Personaliti Calon*

Personaliti calon turut menjadi tumpuan pengundi di Kelantan. Imej korporat dan liberal kebanyakannya calon BN tidak sesuai dengan kehendak rakyat Kelantan yang 90 peratus penduduknya ialah Melayu dan beragama Islam. Rakyat Kelantan secara jelas mahu kepimpinan ulama diteruskan di negeri ini. Ini jelas dapat dilihat beberapa calon PAS berkelulusan agama sama ada dari Timur Tengah dan juga tempatan terus diterima oleh rakyat Kelantan. Kecenderungan ini dapat dilihat di Parlimen Kubang Kerian, calon PAS iaitu Ahmad Baihaki Attiqullah adalah berkelulusan pengajian Islam dari Jordan telah menewaskan calon UMNO/BN iaitu Anuar Safian yang merupakan

seorang ahli perniagaan dengan majoriti 16,741 undi. Kemenangan calon PAS ini menunjukkan golongan ulama lebih diterima di Kubang Kerian. Senario ini mungkin disebabkan dalam Parlimen Kubang Kerian ini mempunyai beberapa buah pondok yang membantu kemenangan calon PAS di Kubang Kerian (Ahmad Baihaki 2013).

Begitu juga berlaku di DUN Pasir Tumbuh dalam Parlimen Kubang Kerian, imej ‘ustaz’ ini sinonim dengan PAS. Walaupun kedua-dua calon merupakan lulusan agama tetapi masyarakat di Pasir Tumbuh melihat ‘ustaz’ dari PAS lebih alim daripada ‘ustaz’ dari UMNO. Calon PAS di Pasir Tumbuh ini merupakan Abdul Rahman Yunus merupakan lulusan daripada India, manakala calon BN (Mohd Syamsul Mohd Yusoff) merupakan lulusan daripada Timur Tengah. Pada pilihan raya ini, calon PAS menang dengan majoriti 4,501 undi. Kemenangan calon PAS ini juga, kerana sokongan daripada beberapa pondok di Pasir Tumbuh ini kepada beliau kerana tindakan calon BN menyelar beberapa sekolah pondok di Kelantan (Abdul Rahman 2013).

Personaliti calon PAS juga dilihat banyak meletakkan muka baru dari kalangan profesional bertanding di Kelantan. Antaranya Md. Yusnan Yusof<sup>30</sup> yang menewaskan calon BN (Othman Omar) di DUN Melor dengan majoriti 2,489 undi. Selain itu, bekas peguam (Mumtaz Md Nawi) yang menewaskan calon BN iaitu Wan Mohd Nazi Wan Hamat di DUN Demit dengan majoriti 8,581 undi yang merupakan majoriti yang paling besar di DUN Kelantan. Sementara itu pada peringkat Parlimen pula, seorang doktor perubatan iaitu Dr. Izani Hussin berjaya menewaskan calon BN (Dali Husin) di Parlimen Pengkalan Chepa dengan majoriti 15,120 undi (Abdul Rahman 2013 dan Rohani 2013).

BN Kelantan masih gagal meletakkan calon yang berkualip yang mampu diterima oleh rakyat Kelantan. BN Kelantan perlu suntikan baru untuk berhadapan dengan PAS pada masa yang akan datang. Apa yang boleh diperkatakan ialah BN gagal meletakkan calon yang boleh menang dalam pilihan raya kali ini (Hassan 2013). Jika dilihat kepada calon BN yang menang pada pilihan raya kali ini rata-ratanya orang lama yang kembali semula ke Parlimen dan DUN. Contohnya, di DUN Dabong dalam Parlimen Kuala Krai (Ramzi Abdul Rahman) kembali semula ke DUN selepas lima tahun menghilang apabila tewas pada pilihan raya 2008. Pada PRU 2013 ini, beliau menewaskan calon PAS (Ku Mohd Zaki Ku Hussin) dengan majoriti 229 undi.

Bagi peringkat Parlimen pula, kehadiran semula Annuar Musa di Parlimen selepas kali terakhir beliau berada di Parlimen pada 1995-1999 ketika menjawat jawatan Menteri Luar Bandar. Kehadiran beliau ini sangat dinantikan oleh seluruh rakyat Kelantan untuk melihat apakah sumbangan beliau boleh berikan kepada rakyat Kelantan. Rakyat Kelantan berharap suara Annuar Musa di Parlimen ini boleh memberi perubahan kepada pembangunan Kelantan seperti beliau lakukan kepada sukan bola sepak di Kelantan (Rosmadi 2013 & Mohamad Zaidan 2013). Pada PRU ke-13 ini, beliau menewaskan

Pengerusi PKR Negeri Kelantan (Abdul Aziz Kadir) dengan majoriti 974 undi. Oleh itu, ini menunjukkan BN Kelantan iaitu UMNO harus mencari pemimpin baru untuk meneruskan perjuangan mereka untuk menawan kembali Kelantan. UMNO Kelantan harus melihat dan membuat perancangan untuk mencari pemimpin pelapis untuk menggantikan pemimpin UMNO Kelantan pada hari ini. Dengan kata lain, UMNO Kelantan harus melakukan transformasi bukan sahaja kepada pengurusan parti malah juga wajar melakukan transformasi kepimpinan parti.

## Kesimpulan

Dalam PRU ke 13, UMNO/BN berjaya menambah kemenangan di kerusi Parlimen dan DUN namun tetap gagal menumbangkan Kerajaan PAS di Kelantan. Ia bukanlah sesuatu yang mudah untuk UMNO mengambil alih pentadbiran negeri ini daripada PAS walaupun berbagai strategi dan perancangan telah dilakukan ketika sebelum dan sewaktu kempen pilihan raya berjalan. Sebaliknya pada PRU ke-13, PAS masih selesa untuk membentuk Kerajaan Negeri di Kelantan. Beberapa faktor telah dikenalpasti sebagai punca kekalahan berterusan UMNO/BN dalam usaha mengalahkan kerajaan PAS di Kelantan. Antaranya ialah gabungan ‘tsunami politik banda’r dan ‘tsunami politik Cina’ yang semakin kuat sokongan undi mereka kepada PAS dan Pakatan Rakyat. Kepimpinan Tok Guru serta pengaruh karismatik beliau yang tetap memberi kesan besar dalam senario politik masyarakat Kelantan walaupun beliau telah berundur dari jawatan Menteri Besar. Sifat kesederhanaan dan karismatik yang ada padanya menjadi salah satu faktor penyumbang kepada masyarakat Kelantan untuk terus menyokong PAS. Ditambah pula dengan kelemahan manifesto BN serta pembawaan imej elitis dan menonjolkan diri sendiri dalam kalangan kepimpinan UMNO adalah tidak sesuai dengan budaya dan masyarakat Kelantan yang mementingkan kesederhanaan. Ramuan faktorfaktor ini telah menjadi satu kombinasi yang mantap untuk PAS meneruskan pemerintahan di Kelantan. Apa yang boleh diterjemahkan daripada keputusan Pilihan Raya Umum ini ialah muncul sebahagian kecil rakyat Kelantan yang berkeinginan untuk menukar pemerintahan tetapi dalam masa yang sama wujud pula sebahagian besar rakyat Kelantan yang masih lagi ingin mengekalkan kepimpinan ulama di negeri ini. Dengan kata lain, rakyat Kelantan mahu meneruskan kepimpinan ulama tetapi tidak menolak UMNO/BN sepenuhnya.

## Nota Akhir

1 Pada 28 Mac 2013, DUN Negeri Sembilan telah terbubar kerana tamat tempoh dan ia menjadi DUN pertama terbubar secara automatik di negara ini (Sinar Harian 2013), manakala DUN Sarawak pula akan tamat tempoh pada 2016 kerana pilihan raya negeri baru sahaja diadakan pada 16 April 2011.

2 Daripada 13 buah ibu negeri di Malaysia hanya Kangar (Perlis) dan Johor Baharu (Johor) sahaja yang dikuasai oleh BN. Dalam PRU 13 ini, PR

menguasai 11 ibu negeri dengan Kota Bharu (Kelantan), Kuala Terengganu (Terengganu) dan Shah Alam (Selangor) oleh PAS manakala PKR pula menguasai Kuantan (Pahang) dan Alor Setar (Kedah). Sementara itu, DAP menguasai Kota Melaka (Melaka), Seremban (Negeri Sembilan), Ipoh (Perak), Tanjung (Pulau Pinang), Kota Kinabalu (Sabah) dan Kuching (Sarawak). Selain itu, PR juga menguasai sembilan daripada 11 kerusi dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dengan PKR menang di Batu, Wangsa Maju, Lembah Pantai dan Bandar Tun Razak manakala DAP pula menang di Kepong, Segambut, Bukit Bintang, Seputeh dan Cheras manakala BN pula menang di Titiwangsa dan Setiawangsa.

3 Selain daripada sistem *First Past the Post (FPTP)* terdapat pelbagai sistem pilihan raya yang diamalkan di seluruh dunia. Di antaranya adalah, *Run-Off Voting (ROV)*, *Single Transferable Vote (STV)*, *Single Non-transferable Vote (SNTV)*, *Single Transferable Proportional Vote (STPV)*, *Alternative Vote (AV)*, *Party List Systems (PL)*, *Additional Member System (AMS)* dan *Mixed Member System*. Sistem *Run-Off Voting (ROV)* ialah juga di kenali sebagai *two-round system* di mana pilihan raya akan diadakan sebanyak dua pusingan di mana dijalankan untuk memilih badan legislatif dan presiden secara langsung. Sistem *Single Transferable Vote (STV)* merupakan kaedah pemilihan dalam satu kawasan pilihan raya iaitu satu calon sahaja yang akan dipilih tetapi pemilih perlu membuat *ranking* pada kertas undi. Bagi sistem *Single Non-Transferable Vote (SNTV)* dalam pilihan raya jenis ini pemilih akan memilih satu suara bagi setiap calon tetapi (tidak seperti FPTP) adalah lebih dari satu kerusi yang harus diisi di setiap kawasan. Manakala *Party List systems (PL)* pula merupakan sistem yang paling popular dalam sistem perwakilan berkadar. Sewaktu pilihan raya, para pengundi akan memilih parti dan bukannya calon individu.

4 Jumlah komposisi bagi etnik Melayu di Kelantan merupakan ketiga tertinggi di Malaysia. Selangor merekodkan jumlah etnik Melayu yang yang paling ramai iaitu 2,814,597 orang, kemudian Johor dengan 1,759,537 orang manakala negeri Perlis mencatatkan jumlah penduduk etnik Melayu yang paling rendah iaitu hanya 198,710 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2011).

5 Jumlah penganut agama Islam di Kelantan ialah 1,465,388 orang ( 95.18 peratus ), Buddha 57,792 orang ( 3.75 peratus), Kristian 4,375 orang ( 0.28 peratus ), Hindu 3,670 orang ( 0.24 peratus ), Konfusianisme 370 orang ( 0.02 peratus), tiada agama 5,008 orang ( 0.33 peratus), lain-lain 2,446 orang ( 0.16 peratus) dan tidak diketahui 552 orang ( 0.04 peratus).

6 Daerah mengundi ini termasuk dengan pengundian awal dan pengundian pos.

7 Pada 4 November 2010, satu pilihan raya kecil diadakan di DUN Galas berikutan kematian Che Hashim Sulaima (PAS). Dalam PRK itu, calon BN iaitu Abd Aziz Yusoff menang dengan majoriti 1,190 undi telah menjadikan wakil BN dalam DUN Kelantan sebelum PRU 13 meningkat daripada enam

kepada tujuh orang.

8 Kawasan DUN Air Lanas dan DUN Chempaka merupakan dua kawasan tumpuan yang melibatkan dua nama besar dalam arena politik Kelantan, iaitu DUN Air Lanas melibatkan Pengerusi BN negeri Kelantan, Mustapa Mohamed yang juga merupakan calon Menteri Besar jika BN menang dalam PRU ke-13 ini manakala di DUN Chempaka pula, melibatkan Menteri Besar Kelantan yang juga Pesuruhjaya PAS Kelantan Tuan Guru Nik Abdul Aziz. Jadi hanya dua kawasan ini sahaja akan dipaparkan keputusan mengikut Daerah Mengundi.

9 Pada persidangan DUN pertama yang diadakan pada 12 Jun 2013, Abdullah Ya'akub telah dipilih sebagai Speaker DUN Kelantan untuk penggal ke-13 manakala ADUN Mengkebang, Abdul Latiff Abdul Rahman pula sebagai Timbalan Speaker. Sementara itu, Ketua Pembangkang pula adalah Nozula Mat Diah yang merupakan ADUN Paloh (Mohd Huzaimey 2013).

10 Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dilahirkan di Kampung Pulau Melaka, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1931. Beliau menjadi ahli PAS sejak 1967. Pada Julai 1967 hingga 1986 beliau menjadi calon PAS dalam pilihan raya kecil Parlimen Kelantan Hilir (sekarang Pengkalan Chepa). Pada PRU tahun 1986, beliau berpindah untuk bertanding di kerusi kawasan Parlimen Bachok dan Semut Api (Chempaka) hingga sekarang. Pada 1971 beliau dilantik menjadi Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat hingga 1995. Kemudian dilantik Mursyidul Am PAS mengambil alih tempat yang ditinggalkan oleh Tuan Haji Yusuf Rawa. Pada 1978, beliau dilantik sebagai Pesuruhjaya PAS Kelantan kemudian Menteri Besar Kelantan pada Oktober 1990 hingga Mei 2013.

11 Beliau merupakan calon yang menang majoriti paling tinggi diperingkat DUN Kelantan. Beliau merupakan lulusan undang-undang daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan pernah mewakili Kerajaan Negeri Kelantan di Dewan Negara selama dua penggal iaitu 2006-2009 dan 2009-2012. Beliau merupakan Naib Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat (Harakah 2013). Selepas PRU ke-13, beliau dipilih dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan portfolio Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat.

12 Ahmad Yaakob dilantik Menteri Besar Kelantan selepas PRU 2013. Selain daripada menjawat Menteri Besar, beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Perancangan Ekonomi dan Kewangan. Beliau juga merupakan Timbalan Pesuruhjaya I PAS Kelantan. Beliau merupakan ADUN Pasir Pekan sejak PRU 1995. Pada PRU 2013, beliau berjaya menewaskan calon BN, yang juga merupakan Ketua Puteri UMNO Bahagian Tumpat iaitu Nik Noriza Nik Salleh dengan majoriti 5,644 undi.

13 Mohd Amar Abdullah menewaskan calon BN (Che Rosli Husin) dengan majoriti 5,036 undi. Selepas PRU 13, beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Besar dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Tanah,

Pelaburan dan Sumber Asli. Beliau merupakan Timbalan Pesuruhjaya III PAS Kelantan (Harakah 2013)

14 Anuar Tan Abdullah menewaskan calon BN dan Bebas dengan majoriti 6,618 undi. Selepas PRU 13, beliau dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan. Beliau merupakan ADUN Kota Lama sejak tahun 1999 dan merupakan Timbalan Yang Dipertua PAS Kawasan Kota Bharu (Harakah 2013).

15 Mohd Nasaruddin Daud menewaskan calon BN dengan majoriti 3,933 undi. Beliau dilantik Exco Kerajaan Negeri Kelantan dengan portfolio Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Serantau. Beliau merupakan ADUN Meranti sejak tahun 1999 dan merupakan Timbalan Yang Dipertua PAS Kawasan Rantau Panjang (Harakah 2013)

16 Mejar (B) Md. Anizam Abdul Rahman menewaskan calon BN dengan majoriti 1,436 undi. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Perlancongan dan Warisan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan. Beliau merupakan ADUN Kemahang sejak tahun 1999 dan merupakan Timbalan Yang Dipertua PAS Kawasan Tanah Merah (Harakah 2013).

17 Tengku Razaleigh Hamzah dilahirkan pada 13 April 1937, merupakan bekas Menteri Kewangan Malaysia (1976-1984) dan Menteri Perdagangan dan Industri (1984-1987). Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pengerusi Bank Dunia dan IMF, Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank) dan Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank). Beliau juga merupakan pengasas kepada Petronas (Petroliam Nasional Berhad). Di Petronas, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi merangkap Ketua Pegawai Eksekutif oleh Tun Abdul Razak. Beliau merupakan Bekas Naib Presiden dan Bendahari UMNO dalam tahun 1970-an. Dalam tahun 1988, setelah permohonan beliau ditolak untuk menyertai sebagai ahli UMNO semula, Tunku Abdul Rahman telah meminta beliau menuju Semangat 46 sebagai satu platform untuk ahli-ahli UMNO Lama juga ditolak permohonan mereka. Pada tahun 1996, Semangat 46 dibubarkan dan menyertai UMNO. Beliau mula bertanding dalam pilihan raya umum pada PRU 1969 di kerusi DUN Ulu Kelantan Barat. Manakala pada PRU 1974 hingga PRU 2013, beliau bertanding di Parlimen Ulu Kelantan (sekarang Gua Musang).

18 Dr. Hatta Mohd Ramli dilahirkan pada 11 September 1956 di Sitiawan, Perak. Menerima pendidikan di Kolej Melayu Kuala Kangsar. Kemudian belajar jurusan perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Seterusnya menyambung pengajian Sarjana Kesihatan di Universiti Nasional Singapura. Beliau merupakan Bendahari PAS Pusat.

19 Takiyuddin Hassan dilahirkan pada 24 November 1961 di Sik, Kedah. Beliau merupakan lulusan Universiti Malaya dalam bidang undang-undang.

Di peringkat akar umbi, beliau merupakan Penolong Setiausaha Agung PAS pusat dan juga Timbalan Yang Dipertua PAS Kawasan Kota Bharu. Beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa Eksekutif Persekutuan Bola Sepak Malaysia (FAM) serta merupakan Presiden Persatuan Bola Sepak Melayu Kelantan.

20 Nasharudin Mat Isa dilahirkan di Rembau, Negeri Sembilan pada 1962. Beliau pernah menjadi ahli Parlimen Yan (1999-2004). Bekas Setiausaha Agong PAS (1999-2004) dan bekas Timbalan Presiden PAS (2005-2011). Pada pilihan raya 2004, beliau bertanding di Besut, tetapi tewas kepada calon BN Abdullah Mohd Zin. Pada PRU 13, beliau tidak dicalonkan untuk bertanding.

21 Salahuddin Ayub lahir pada 1 Disember 1961 di Kampung Serkat, Tanjung Piai, Pontian, Johor. Berketurunan kacukan Melayu-Cina. Berkelulusan daripada Universiti Putra Malaysia dalam bidang Sains Pembangunan Manusia. Dalam PAS, beliau merupakan Ketua Pemuda PAS Pusat (2003-2009) dan Naib Presiden Pusat (2009-kini). Pada PRU 2013, beliau berpindah kawasan iaitu ke DUN Nusajaya tetapi tewas di kepada calon BN (Dr. Zaini Abu Bakar) dengan majoriti 2,201 undi dan juga tewas di Parlimen Pulai kepada calon BN (Nur Jazlan Mohamed) dengan majoriti 3,226 undi.

22 Saifuddin Nasution bin Ismail dilahirkan pada 7 Disember 1963 di Singapura tetapi dibesarkan di Kedah. Mendapat pendidikan dari Universiti Putra Malaysia dalam bidang sains pertanian. Beliau merupakan Bekas Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Bekas Setiausaha Politik Menteri Undang-Undang dan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Bekas Setiausaha Politik Menteri Pertahanan. Beliau juga pernah menjadi ADUN Lunas, Kedah (2000-2004) setelah menang dalam pilihan raya kecil DUN Lunas atas tiket Parti Keadilan Nasional. Pada PRU 2004, beliau bertanding di Padang Serai, tetapi tewas kepada calon BN (Lim Bee Kau). Sekarang beliau merupakan Setiausaha Agong Parti Keadilan Rakyat. Seterusnya pada PRU 2013, beliau tewas kepada Abdul Aziz Sheikh Fadzir iaitu calon BN di Kulim-Bandar Baharu dengan majoriti 1,871 undi.

23 Pada PRU 2008, calon Bebas Ibrahim Ali telah bertanding menggunakan lambang PAS telah menewaskan calon BN, Ahmad Rosdi dengan majoriti 8,991 undi.

24 Ulama membawa satu pengertian yang luas, ia disandarkan kepada seseorang yang memahami konsep agama secara syumul dan mendalam serta menzhirkannya dalam bentuk praktikal dan amalan hidup sehari-hari (Idris 2009:16). Golongan yang dikatakan ulama ialah mereka yang berpengetahuan tinggi dalam bidang ilmu agama serta mempunyai beberapa ciri dan kriteria tertentu termasuk boleh menguasai bahasa Arab. Golongan ini mendapat pendidikan di Makkah selain daripada al-Azhar dan beberapa negara lain di Timur Tengah (Shukri 2007).

25 Menteri Besar Kelantan yang pertama ialah Tengku Hamzah Zainal Abidin (1947-1953) dan yang kedua ialah Nik Ahmad Kamil (1953-1958).

Kedua-duanya merupakan Menteri Besar sebelum merdeka dan merupakan daripada Parti Perikatan (UMNO). Menteri Besar Kelantan yang ketiga ialah Ishak Lotfi Omar (1959-1964), keempat Mohd Asri Muda (1964-1974), kelima Muhammad Nasir (1974-1978), keenam Muhammad Yaacob (1978-1990), ketujuh Nik Abdul Aziz Nik Mat (1990-2013) dan yang terbaru selepas PRU ke-13 ialah Ahmad Yaakob. Muhammad Nasir merupakan satu-satunya Menteri Besar daripada kerajaan campuran di Kelantan, manakala Muhammad Yaacob pula satu-satunya Menteri Besar Kelantan daripada BN.

26 DUN Guchil merupakan salah satu daripada 4 DUN yang ditandingi oleh PPP dalam PRU 13. Selain DUN Guchil, PPP bertanding di Kota Laksamana (Melaka), Kota Alam Shah (Selangor) dan Pasir Bedamar (Perak). Selain itu, PPP juga bertanding di satu kerusi Parlimen iaitu Kepong (Utusan Malaysia 16 April 2013)

27 Slogan *PAS For All* ini menunjukkan PAS tidak akan tidak mengizinkan penindasan atas perkauman, ia perjuangan *rahmatan lil alimin* (pembawa rahmat bagi sekelian alam). Slogan ini berjaya menarik perhatian bukan Melayu dan Islam kepada PAS, lebih-lebih lagi dengan kewujudan Kelab Penyokong PAS yang kini telah dinaik taraf kepada Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) dilihat sebagai wadah terbaik untuk menarik serta menyerap bukan Islam dalam PAS (Mujahid 2011). Pada hari ini, Ketua DHPP ialah Hua Pang Chaw yang juga calon PAS di Parlimen Ayer Hitam, Johor pada PRU 13.

28 Gerakan Tukar merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang ditubuhkan bertujuan untuk menyeru rakyat Kelantan supaya menukar parti pemerintah di negeri ini pada PRU ke-13. Ia telah dirasmikan ketika Konvensyen Media Sosial Kelantan di Auditorium Kompleks Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Kelantan pada 3 Februari 2013. Menurut Pengerusi TUKAR iaitu Kamaruddin Kassim menyatakan bahawa Slogan Tukar ialah ‘acu test sepenggal’. Gerakan ini adalah satu manifestasi dan luahan rakyat Kelantan yang sudah jemu dengan pentadbiran kerajaan Pas Kelantan yang penuh retorik selama 21 tahun memerintah. Namun demikian, Gerakan Tukar ini gagal menarik perhatian pengundi di Kelantan.

29 Dalam PRU 13 ini, terdapat dua orang Ketua UMNO Bahagian yang tidak terpilih sebagai calon. Antaranya ialah Mohd Fauzi Ismail (Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian) dan Abdullah Mat Yassin (Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang).

30 Md. Yusnan Yusof dilahirkan pada 1968 di Ketereh, Kelantan. Beliau merupakan bekas Profesor Madya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Berkelulusan Doktor Falsafah daripada University of Exeter, United Kingdom dalam bidang pengajian Arab dan Islam. Selepas PRU 13, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Serantau (Md. Yusnan 2013)

## Rujukan

- Abdul Rahman Yunus, YB Ustaz. 2013. ADUN Pasir Tumbuh. Temuramah di Pejabat PAS Kawasan Kubang Kerian. 20 Jun 2013.
- Abdul Rashid A. Rahman. 1994. *Perjalanan Pilihan Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Ahmad Atory Hussain. 2009. *Politik Melayu di Persimpangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributions Sdn Bhd.
- Ahmad Baihaki Attiqullah, YB Ustaz. 2013. Ahli Parlimen Kubang Kerian. Temuramah di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kubang Kerian. 19 Jun 2013.
- Campbell, A. Converse, P.E., Miller, W. dan Stokes, D.E. 1960. *The American Voter*. New York: Willey.
- Downs, A. 1957. *An Economic Theory of Democracy*. New York: Harper and Row.
- Hassan Harun, Datuk. 2013. Temuramah di Sekolah Tinggi Wadi Sofia. 24 Jun 2013. Berita Harian. 2013. 7 Mei.
- Dewan Ulamak PAS Pusat. 2009. *25 Tahun Kepimpinan Ulamak*. Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn. Bhd.
- Ghazali Mayudin. 1999. Pengundian dan Identifikasi Parti. Dlm. Ghazali Mayudin (Pnyt). *Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya dalam Konteks Malaysia*. Bangi: Jabatan Sains Politik.
- Ghazali Mayudin. 2006. Demokrasi dan Pilihan raya di Malaysia. Dlm. Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud dan Zaimi Othman (Pnyt). *Demokrasi, Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM
- Harakah. 2013. 5-7 Julai.
- Harian Metro. 2013. 7 Mei.
- Idris Ahmad. 2009. Ulamak Dalam Kedudukan Islam. Dlm. Dewan Ulamak PAS Pusat (Pnyt.). *25 Tahun Kepimpinan Ulamak*. Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn Bhd.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Juhaidi Yean Abdullah. 2013. Dilema PAS cari ‘fotostat’ ganti Nik Aziz. Berita Harian 15 Mac 2013.
- Kanidy Omar. 2013. Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kota Bharu. Temuramah di Phranak Kopitiam. 9 Julai 2013.
- Kelantan. Gov.my. 2011.
- Lazarsfeld, Paul F, Bernard R. Barelson & Hazel Goudet. 1968. *The People Choice*. New York: Dell, Sloan and Pierce
- Lipset, S.M. 1960. *Political Man: the Social Bases of Politics*. Bombay: Vakils, Feffer and Simons Private, Ltd.

- Md. Yusnan Yusof. YB. Dr. 2013. ADUN Melor. Temuramah di kediaman beliau di Ketereh. Pada 30 Jun 2013.
- Mohamad Zaidan Abdul Rahim. 2013. Setiausaha Kerja Pergerakan Pemuda UMNO Kelantan. Temuramah di Pejabat UMNO Negeri Kelantan. Pada 1 Julai 2013
- Mohd Asri Jusoh. Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kota Bharu. Temuramah di Phranak Kopitiam. Pada 9 Julai 2013.
- Mohd Faidz Mohd Zain. 2005. Politik Dan Pilihan Raya: Kajian Terhadap Pola Undi UMNO dalam Pilihan Raya Umum 1999 Dan 2004 Di Kelantan. *Latihan Ilmiah*. Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fo'ad Sakdan. 1999. *Pengetahuan Asas Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Huzaimey Hussein, YB. 2013. ADUN Perupok. Temuramah di Pusat Khidmat ADUN Perupok. 15 Jun 2013.
- Mohd Rosdi Abdul Aziz, Datuk. 2013. Timbalan Ketua UMNO Bahagian Tumpat. Temuramah di Wisma Kontraktor Melayu Malaysia Negeri Kelantan. 11 Jun 2013.
- Mujahid Yusof. 2011. *Menuju PAS Baru: Krisis, Peluang dan Dinamisme*. Kuala Lumpur: The Malaysian Insider Sdn Bhd.
- Nik Mazian Mohamed. YB Dato' Dr. 2013. Ahli Parlimen Pasir Puteh. Temuramah di Masjid al-Muttaqim, Lundang. 18 Jun 2013.
- Rohani Ibrahim, YB 2013. ADUN Tanjung MAS. Temuramah di Pusat Khidmat ADUN Tanjung Mas. 3 Julai 2013.
- Rosmadi Fauzi. 2006. Geografi Politik, Pilihan Raya dan Aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) Di Malaysia. *Jati*. 2006. 157-177.
- Rosmadi Ismail, Datuk. 2013. Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kota Bharu. Temuramah di ISCOPR Sdn Bhd. 27 Jun 2013.
- Sinar Harian. 2013. 21 April dan 7 Mei.
- The Star. 2013. 5 Mei.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1999*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 2004*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur, Malaysia
- Suruhanjaya Pilihan Raya. 2013. *Score Sheet Pilihan Raya Umum Ke-13*. Kuala Lumpur, Malaysia
- Shukri Ahmad. 2007. Penyertaan Ulama Dalam Politik dan Pilihan Raya Di Semenanjung Malaysia Dari 1950-an Hingga 1990-an. Dlm. Mohd Izani Mohd Zain. *Demokrasi dan Dunia Islam Perspektif Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Syed Ahmad Hussein. 1994. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan

Bahasa dan Pustaka.  
Utusan Malaysia. 2013. 16 April, 21 April, dan 7 Mei.

### **Nota Biografi**

Mohd Faidz Mohd Zain ([mofaz195@yahoo.com](mailto:mofaz195@yahoo.com)) berasal daripada negeri Kelantan. Beliau memperoleh Ijazah Sarjanamuda Sains Sosial dengan Kepujian dalam bidang Sains Politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2005 dan Master of Public Management dari Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 2009. Kini merupakan calon Ph.D (Sains Politik) di Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dengan fokus kajian mengenai tingkahlaku pengundian dalam pilihan raya.

Samsu Adabi bin Mamat ([habib@ukm.edu.my](mailto:habib@ukm.edu.my)) merupakan Prof. Madya (PhD) di Program Sains Politik, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. Fokus kajian beliau ialah mengenai Falsafah dan Politik Islam serta Minoriti Muslim.

Jamaie Hj. Hamil ([jamaie@ukm.edu.my](mailto:jamaie@ukm.edu.my)) merupakan pensyarah di Program Sains Politik, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) daripada Universiti Malaya. Fokus kajian beliau ialah mengenai Sosiologi Politik, Ekonomi Politik, Politik Malaysia, UMNO (Pilihan Raya).

Junaidi Awang Besar ([jab@ukm.edu.my](mailto:jab@ukm.edu.my); [junaididee@yahoo.com](mailto:junaididee@yahoo.com)) dilahirkan pada 26 Ogos 1980 di negeri Terengganu. Beliau memperoleh ijazah Sarjanamuda Sains Sosial dengan Kepujian (Geografi – Kajian Pilihan Raya) di UKM pada tahun 2003 dan Ijazah Sarjana Falsafah (Geografi – Dasar Awam) pada tahun 2007 juga di UKM. Pernah bekerja sebagai Eksekutif Penyelidikan di Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBPM), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia pada tahun 2007, dan 2007 hingga kini sebagai pensyarah Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran (PPSPP), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Beliau banyak menulis artikel jurnal termasuk jurnal *online* di dalam dan luar negara serta aktif membentangkan kertas persidangan dan seminar di Malaysia dan Indonesia. Sehingga kini (2014), beliau telah menghasilkan 112 penerbitan sama ada artikel jurnal, kertas persidangan/seminar, bab dalam buku dan juga poster penyelidikan. Sekarang beliau sedang mengikuti program pengajian Doktor Falsafah (PhD) (geografi pilihan raya dan dasar awam) di Jabatan Geografi,

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya dalam proses menunggu peperiksaan lisan/*viva-voce*. Bidang pengkhususan beliau adalah geografi kemanusiaan, geopolitik, geografi politik, geografi pilihan raya dan dasar awam.